



Abdul Manaf bersama anak mengemas rumah mereka yang rosak selepas dilanda ribut di FELDA Soeharto, Hulu Selangor, kelmarin. (Foto Rosdan Wahid/BH)

BH ms 63 07/07/2019

# 150 rumah peneroka rosak dipukul ribut

Pusat  
Pemindahan  
Sementara  
FELDA Soeharto  
diaktifkan



Oleh Fitri Nizam  
bhnews@bh.com.my

**Hulu Selangor:** "Anak saya nyaris dihempap pokok ketika berada di dapur apabila ribut turut menumbangkan pokok dan menimpa rumah kami.

"Selama 20 minit kami berempap duduk di ruang tamu kerana di situ saja yang masih berbumbung," kata Abdul Manaf Saad, 55, menceritakan detik cemas kejadian ribut yang berlaku di FELDA Soeharto, di sini, kelmarin.

Peneroka berkenaan antara 150 pemilik rumah di kawasan terbabit yang mengalami kerosakan rumah apabila rumah mereka dibadai ribut, termasuk menerbangkan bumbung sebahagian rumah penduduk pada jam 5.30 petang.

Ribut yang melanda kira-kira 20 minit turut menyebabkan empat keluarga peneroka di situ terpaksa menumpang di Dewan Orang Ramai berhampiran kerana rumah mereka rosak teruk.

Menceritakan detik cemas itu, Abdul Manaf berkata, ketika ke-

**Selama 20 minit kami berempap duduk di ruang tamu kerana di situ saja yang masih berbumbung.**

**Abdul Manaf Saad, Penduduk**

jadi dia bersama isteri dan dua anaknya berada di dalam rumah.

"Ketika itu saya dan isteri sedang berehat di ruang tamu sebelum tiba-tiba guruh berdentum disusuli angin kuat hingga menerbangkan atap di bahagian dapur dan bilik tidur," katanya kepada BH di sini, semalam.

Seorang lagi mangsa yang juga warga emas, Nasir Ahmad Nuruddin, 83, berkata dia dan isteri hanya mampu berserah kepada Allah SWT ketika ribut 'menggoncang' kediamannya.

"Pada usia begini tak banyak kami dapat lakukan, sebaliknya

hanya berserah supaya selamat walaupun hampir 70 peratus atap rumah diterbangkan ribut, namun Alhamdulillah semuanya berakhir dengan selamat tanpa sebarang kemalangan," katanya.

Pegawai Daerah Hulu Selangor, Musa Ramli, ketika ditemui berkata, pihaknya mengaktifkan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di dewan terbabit apabila mendapat laporan terdapat sebahagian keluarga terpaksa meninggalkan kediaman masing-masing.

Katanya, sebahagian besar rumah peneroka yang rosak di FELDA akibat bumbungnya diterbangkan ribut.

"Pihak pengurusan FELDA dengan bantuan agensi berkaitan masih lagi mengumpul data berapa jumlah sebenar mangsa yang terjejas akibat kejadian itu, namun sehingga petang ini (semalam) seramai 150 keluarga sudah membuat laporan kerosakan.

"Kami difahamkan tiada mangsa yang mengalami kecederaan atau meninggal dunia akibat bencana berkenaan," katanya.

Tinjauan BH di kawasan penempatan berkenaan mendapati terdapat beberapa penghuni yang terjejas berpindah ke rumah saudara atau jiran berhampiran, namun masih ada yang enggan meninggalkan kediaman.

Yang turut hadir meninjau keadaan rumah penduduk ialah Ahli Parlimen Hulu Selangor, June Leow Hsiad Hui.